



KEMENTERIAN KERJA RAYA

MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## PERUNTUKAN TAMBAHAN RM1.5 JUTA BAGI PEMBAIKAN SEGERA LOKASI KEROSAKAN JALAN KRITIKAL BINTULU, SARAWAK

**BINTULU, SARAWAK** - Isu kendaraan berat terutama lori yang membawa muatan melebihi had berat maksimum yang dibenarkan, dikenal pasti menjadi antara faktor utama kerosakan jalan di negara ini. Ia membuatkan jalan lebih cepat rosak kerana struktur pavement terjejas. Isu ini juga menyebabkan kos penyelenggaraan jalan menjadi lebih tinggi sekali gus menjelaskan keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya secara keseluruhan.

Selaras Kempen #MYJalan Kementerian Kerja Raya (KKR) yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia YAB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim pada 24 Ogos 2023 yang lalu, satu tindakan menyeluruh sedang dilaksanakan yang melibatkan pelbagai agensi dan kementerian.

Usaha dan kerjasama rentas kementerian ini perlu digerakkan dengan bersungguh-sungguh dalam mencari penyelesaian jangka panjang, demi memastikan isu kerosakan jalan disebabkan masalah kenderaan lebih muatan ini dapat dikurangkan.

Antara jalan yang dikenal pasti mengalami kerosakan disebabkan kenderaan lebih muatan adalah Jalan Simpang Bakun ke Empangan Bakun FT803. Menteri Kerja Raya Malaysia YB. Dato Sri Alexander Nanta Linggi telah melakukan lawatan pada 7 Julai yang lalu, dan hari ini YBM turun padang sekali lagi untuk meninjau semula beberapa lokasi Arahan Kerja (AK) Berkala Pavement yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023.

Sebelum ini, bagi tahun 2023 sahaja, Kementerian telah meluluskan peruntukan sebanyak RM6 juta membabitkan tiga AK pembaikan turapan jalan yang rosak teruk berpunca daripada kelemahan struktur pavement.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

🌐 [WWW.KKR.GOV.MY](http://WWW.KKR.GOV.MY) 📧 [PRO@KKR.GOV.MY](mailto:PRO@KKR.GOV.MY) 🌐 [KEMENTERIAN KERJA RAYA](#) 🌐 [KKR\\_MALAYSIA](#) 🌐 [@MOWORKS](#) 🌐 [KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL](#)

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur



KEMENTERIAN KERJA RAYA

MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

Hari ini, YBM mengumumkan pihak Kementerian telah meluluskan peruntukan tambahan RM1.5 juta lagi, menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan pada 2023 adalah sebanyak RM7.5 juta.

Peruntukan ini melibatkan pembaikan segera lokasi kerosakan jalan yang kritikal dan pemasangan gantri serta papan tanda jalan had berat muatan yang dibenarkan. Berat Maksimum Kenderaan yang diwartakan di dalam P.U.(A)277 (Pindaan Tahun 2018) bagi Jalan Persekutuan Bintulu-Bakun adalah 36 tan.

Bagi kerja pembaikan turapan jalan yang kritikal berpunca daripada kelemahan struktur pavement, pembaikan yang dilaksanakan di lokasi tersebut adalah dengan menggunakan kaedah Cold-in Place Recycling (CIPR). Pihak Kementerian juga telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan pemasangan gantri untuk mengawal kenderaan lebih muatan yang menggunakan laluan ini. Sebanyak 4 lokasi pemasangan gantri telah dikenal pasti di sepanjang laluan 128.46 km ini.

Sebagai langkah peringatan beberapa papan tanda amaran had beban muatan yang dibenarkan akan dipasang sebagai rujukan pengguna lalu lintas. Bagi meningkatkan akauntabiliti di kalangan pengguna jalan raya, pemain industri dan agensi kerajaan bahawa jalan raya adalah tanggungjawab bersama Kempen #MYJalan KKR juga diharap dapat menjadi platform advokasi dan juga pendedahan kepada pengguna jalan raya tentang penyenggaraan jalan raya sedia ada serta pengukuhan konsep “No Wrong Door Policy” di dalam penyaluran aduan berkaitan dengan jalan raya.

#MYJalan #Kamidisini #Kearahkesejahteraanrakyat

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**09 SEPTEMBER 2023**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

✉ [WWW.KKR.GOV.MY](http://WWW.KKR.GOV.MY) ✉ [PRO@KKR.GOV.MY](mailto:PRO@KKR.GOV.MY) ✉ [KEMENTERIAN KERJA RAYA](#) ✉ [KKR\\_MALAYSIA](#) ✉ [@MOWORKS](#) ✉ [KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL](#)

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur